



## SIARAN AKHBAR

### PERUNTUKAN BERJUMLAH RM134.6 JUTA UNTUK PMKS DI BAWAH SME CORP. MALAYSIA BAGI TAHUN 2024

---

**KUALA LUMPUR, 9 Januari 2024** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, SME Corp. Malaysia kekal komited memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan peruntukan berjumlah RM134.6 juta bagi melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pada tahun 2024. Komitmen ini dinyatakan semasa Sesi Taklimat YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bersama SME Corp. Malaysia pada hari ini.

Sesi Taklimat berlangsung sempena lawatan pertama beliau ke Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia di Platinum Sentral, Kuala Lumpur sejak dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 12 Disember 2023. Sesi tersebut bertujuan memberikan penerangan lanjut berkenaan peranan dan fungsi SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency*, CCA) dalam pembangunan PMKS di Malaysia. Melalui sesi berkenaan juga, YB Dato' Ramanan telah dimaklumkan mengenai inisiatif dan program pembangunan PMKS bagi tahun 2024 serta pencapaian sepanjang tahun 2023. Secara keseluruhannya, SME Corp. Malaysia telah menyalurkan sejumlah RM131.3 juta dana yang telah memanfaatkan seramai 22,861 PMKS di seluruh negara. Ini termasuk program bantuan kewangan bagi tujuan eksport iaitu Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) dan program *SMEs Go Global* (SMEGG) serta program pembangunan keupayaan dan kapasiti eksport, dan padanan perniagaan.

Menurut YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, "Melalui program dan inisiatif yang dirancang tahun ini, KUSKOP menerusi agensi-agensinya termasuk SME Corp. Malaysia terus komited dalam usaha memperkasakan ekosistem keusahawanan negara sejajar dengan visi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) bagi menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul serta kerangka Ekonomi MADANI sebagai wadah mengangkat semula martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara."

“Komitmen ini juga mengambil kira Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah menetapkan sasaran yang jelas untuk pertumbuhan PMKS menjelang 2025, seperti sumbangan 41% kepada KDNK, 15% kepada eksport, 3.5% dalam purata pertumbuhan produktiviti buruh dan 90% PMKS mendigitalkan operasi perniagaan mereka”, tambah beliau.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula menyatakan, “Melalui peruntukan sebanyak RM134.6 juta ini, SME Corp. Malaysia mensasarkan lebih 16,700 PMKS bakal menerima manfaatnya pada tahun 2024. Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) yang dihentikan sementara sebelum ini berikutan komitmen yang telah melebihi peruntukan, akan kembali ditawarkan kepada PMKS pada tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM55 juta. Selain itu, SME Corp. Malaysia akan terus melaksanakan program utama lain seperti Program Peningkatan *Enterprise* Bumiputera (BEEP), Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Program Pengukuhan Eksport, Program Peningkatan Industri Strategik dan Syarikat Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) serta Program BizMe bagi pembangunan perusahaan inklusif.”

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)